

05 MAR 1998

DR MAHATHIR: TAIWAN BOLEH BANTU ASEAN TANGANI MASALAH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Malaysia percaya bahawa Taiwan berkemampuan untuk membantu negara-negara Asean yang bermasalah untuk menanggapi kesulitan kewangannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Taiwan berbekedudukan baik untuk menggerakkan ekonomi Tenggara Asia kerana ia mempunyai pengetahuan, modal, kepakaran dan sumber," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kayu Kayan Antarabangsa di sini.

Perdana menteri berkata demikian apabila ditanya sama ada beliau akan meminta Taiwan memainkan peranan yang lebih besar dalam menghidupkan semula ekonomi Tenggara Asia semasa perbincangan beliau dengan naib presiden Taiwan, Lien Chan hari ini.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu akan tertumpu pada perdagangan dua hala, pelaburan dan pemindahan teknologi.

Perdana menteri turut ditanya sama ada saluran yang betul akan didaya usahakan bagi membolehkan penyaluran dana, di mana Taiwan telah dilaporkan bersedia melabur di Tenggara Asia.

"Kita harus mengkaji kemungkinan seumpama itu... tawaran seperti itu adalah terlalu baik untuk ditolak mentah-mentah," katanya.

Mengenai cadangan Britain untuk membentuk Dana Amanah Asem pula, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyambut baik mana-mana cadangan yang positif.

Dana yang dicadangkan itu, yang akan ditubuhkan dengan kerjasama Bank Dunia, akan menyediakan bantuan teknikal bagi pembiayaan penyusunan semula dan mengkaji kesan sosial disebabkan masalah ekonomi serantau. Dana itu akan juga menyediakan beberapa bantuan kewangan.

Menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak akan memerlukan terlalu banyak pakar luar untuk meneruskan perubahan kewangannya.

Katanya: "Kita tak perlu banyak pakar luar kerana kita dah buat banyak reform." -- BERNAMA

AD MA